



**TEKS UCAPAN**  
**Y.BHG. BRIGEDIER JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR UniMAP**  
**SEMPENA MAJLIS MAKAN MALAM MESYUARAT MAPUM KALI KE-40**  
**PADA**  
**11 NOVEMBER 2009 DI DEWAN KAPITOL,**  
**KANGAR, PERLIS.**

---

Bissmillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh , Salam Sejahtera  
dan Salam Satu Malaysia.

Yang Berbahagia Pengerusi MAPUM, En. Nordin bin Jusoh  
merangkap Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Akademik,  
Universiti Darul Iman, Terengganu.

Yang berbahagia Timbalan Pengerusi MAPUM, Profesor Ir. Dr. Amir  
Hashim bin Mohd Kassim merangkap Timbalan Naib Canselor Hal  
Ehwal Pelajar & Akademik, Universiti Tun Hussein Onn, Johor.

Yang diraikan Ahli-ahli Majlis dan Wakil-wakil Ahli mesyuarat  
MAPUM kali ke-40

Pegawai-pegawai utama Universiti Malaysia Perlis,  
Staf-staf Kolej Kediaman Universiti Malaysia Perlis,

Jawatankuasa Mesyuarat MAPUM kali ke-40.

Seterusnya hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian.

Selamat Petang, Wan Shang Hao, Maalai Vaanakkam, Ma Sa An Khair dan Ra Thri Sawat

Pertama sekali marilah kita sama-sama merafak sembah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya dapatlah kita berkumpul pada malam ini bagi menjayakan satu lagi program yang saya kira sangat penting untuk kebaikan semua universiti di Malaysia.

Alhamdulillah untuk sekian kalinya UniMAP telah dipilih menjadi tuan rumah untuk mengendalikan Mesyuarat Majlis Perumahan Universiti-universiti Malaysia kali yang ke-40 yang akan dijalankan bermula esok 12 November 2009 sehingga 14 November 2009. Saya sebagai Naib Canselor UniMAP dengan berbesar hatinya ingin mengucapkan selamat datang kepada semua ahli mesyuarat MAPUM kali ke-40 ke Universiti Malaysia Perlis. Sesungguhnya kehadiran tuan puan ke UniMAP sangat kami alu-alukan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Majlis Perumahan Universiti-universiti Malaysia atau dikenali sebagai MAPUM sebenarnya adalah sebuah jawatankuasa

gabungan antara 20 IPTA di bawah Sekretariat Timbalan-Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar IPTA seluruh Malaysia.

MAPUM merupakan satu badan yang bertanggungjawab untuk membincangkan masalah perumahan dan perkhidmatan yang disediakan di universiti-universiti Malaysia kepada para mahasiswanya. MAPUM juga adalah satu platform atau medium yang berkesan di kalangan anggota-anggotanya bagi menyatakan pendapat bernes mereka yang bertujuan bagi menyediakan perkhidmatan yang terbaik untuk pembangunan universiti masing-masing. Sesungguhnya segala masalah yang berkait rapat dengan masalah perumahan atau perkhidmatan yang diberikan kepada mahasiswa-mahasiswi harus cepat ditangani kerana imej IPTA amat '**fragile**' di kalangan masyarakat awam dan MAPUM lah yang bertanggungjawab menyumbang idea bernes kepada pihak pentadbiran universiti khususnya kolej kediaman yang yang akan bertindak menguruskannya.

Hadirin & hadirat yang dihormati sekalian,

Kolej kediaman bukanlah lagi sekadar tempat tidur para pelajar semata-mata tetapi merupakan suatu unsur yang amat penting bagi menjana dan memangkin daya usaha yang tinggi untuk pelajar mencapai prestasi akademik yang cemerlang, integrasi sosial yang baik, pembangunan sahsiah, kreativiti minda, kepimpinan yang efektif, jati diri bangsa, kerohanian unggul dan

pelbagai elemen lagi bagi peningkatan individu pelajar itu sendiri. Selama ini kita masih lagi dibelenggu dengan permasalahan kemudahan yang terdapat di kolej-kolej kediaman universiti di Malaysia. Permasalahan yang sering timbul apabila berlakunya perbandingan antara universiti tempatan dengan luar negara terutamanya dengan universiti-universiti di Eropah atau di negara-negara maju yang lain dimana kita berada agak kebelakang dalam penyediaan fasiliti kepada para pelajar.

Mungkin jika dibandingkan dari segi yuran kolej kediaman, IPTA di Malaysia masih lagi antara universiti yang menyediakan yuran yang murah tetapi cuba kita bandingkan dari segi perkhidmatannya.

Bagaimana dengan kemudahan internet kepada pelajar?

Bagaimana dengan cafeteria yang disediakan untuk pelajar makan dan berehat?

Dan Bagaimana pula dengan kemudahan sukan di setiap kolej kediaman?

Cuba kita fikirkan sejenak. Mungkin sebahagian perkara yang dinyatakan tadi masih mempunyai ruang untuk diperbaiki.

Hadirin & hadirat sekalian,

MAPUM sekarang mengorak langkah untuk satu lagi dimensi menyaksikan penyediaan perkhidmatan bertaraf antarabangsa. Para pelajar di IPTA Malaysia sekarang bukan sahaja terdiri daripada pelajar-pelajar tempatan malah kita juga turut menerima ramai pelajar dari serata pelusuk dunia. Maka imej universiti melalui penyediaan kemudahan dan perkhidmatan di kolej kediaman menjadi aspek penting yang perlu ditekankan selaras dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Pembangunan kampus-kampus baru seharusnya dipantau oleh jawatankuasa MAPUM bagi memelihara kualiti yang akan dihasilkan. Manakala bagi kampus-kampus yang lama, ianya perlu juga dipantau sebelum diselenggarakan bagi meningkatkan kualitinya. Jika perlu, pembangunan kampus baru contohnya seperti kampus tetap UniMAP yang sedang dibangunkan di Ulu Pauh, Perlis juga harus diberi perhatian serius bagi memastikan pembangunannya diurus dengan rapi. Maka mesyuarat yang akan diadakan selama tiga hari ini diharapkan dapat memberi kesan yang positif kepada pembangunan kolej-kolej kediaman di IPTA Malaysia.

Saya percaya lawatan ke Hatyai juga adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada semua IPTA tentang pengurusan asrama di dua buah universiti yang terkenal di Thailand iaitu

Prince of Songkla University dan Hatyai University. Kedua-dua buah universiti ini telah banyak berkongsi idea dan pendapat dalam menjayakan pelbagai aktiviti bersama UniMAP. Semoga dengan hasil lawatan dan perkongsian maklumat ini, ianya serba sedikit memberi kesan yang diharapkan untuk pembangunan dan perkhidmatan di Kolej-kolej Kediaman IPTA di Malaysia.

Hadirin & hadirat yang dihormati sekalian,

Saya berharap agar hasil daripada mesyuarat MAPUM pada kali ini akan memberikan impak positif kepada aktiviti yang akan dijalankan pada Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Kebangsaan (SPARK) 2009 pada awal Disember nanti. Idea dan cadangan daripada hasil mesyuarat perlulah telus agar maklumat yang disampaikan kepada orang yang melaksanakannya dan juga kepada '**client**' iaitu pelajar itu sendiri adalah sebenar-benarnya. Seharusnya perbincangan kedua-dua belah pihak, antara pihak pengurusan dan pelajar akan lebih memberikan impak positif kepada pembangunan kolej-kolej kediaman di universiti awam di Malaysia. Saya kira penerimaan dan penolakan pendapat juga perlu berlaku bagi tujuan menjayakan perlaksanaannya.

Hadirin & hadirat yang dihormati sekalian,

Besarlah harapan saya kiranya mesyuarat yang diadakan pada kali ini dapat menghasilkan satu lagi keputusan yang boleh

digunakan oleh semua IPTA di Malaysia. Saya percaya dengan penglibatan sebahagian besar Ahli-ahli majlis pada mesyuarat kali ini akan dapat memberikan yang terbaik untuk masa depan pengurusan dan perkhidmatan kolej kediaman.

Sebelum mengakhiri ucapan saya pada malam ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah kepada ahli jawatankuasa program dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung bagi menjayakan program pada malam ini. Saya juga ingin mengucapkan selamat bermesyuarat kepada ahli-ahli majlis MAPUM yang akan ke Hatyai yang akan bermula pada esok hari. Sebelum mengakhiri ucapan ini, dengarkan pantun dari saya :

Dalam kolam kiambang bertaut,  
Kelam alam berarak mega,  
Mesra kita sahut bersahut,  
Rasa seperti satu keluarga.

Hendak belayar ke Teluk Betong  
Sambil mencuba labuhkan pukat  
Bulat air kerana pembentung  
Bulat manusia kerana muafakat.

Sekian. Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum W.B.T.